

Agihan mesti adil: PM

BA-17/1/2007

Kerajaan negeri, Pusat diminta bekerjasama pulih kehidupan

Oleh Khirul Bahri Basaruddin,
Abdul Razak Raaff
dan Johan Afandi

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu kerajaan negeri dan Pusat mengambil tindakan bersama memulihkan kehidupan lebih 100,000 mangsa banjir, yang disifatkannya sebagai tugas lebih besar dan penting berbanding usaha menyelamatkan, memindah dan menghantar bantuan.

Perdana Menteri juga mahu semua bentuk bantuan dan sumbangan diagihkan segera secara adil tanpa mengira kaum serta kedudukan mangsa bencana itu.

"Apa yang saya dapat lihat dalam tinjauan di Kota Tinggi yang masih ditenggelami air, perlunya usaha penting memulihkan kehidupan mangsa, seperti memastikan kedai dibuka dan berfungsi semula serta mangsa

pulang ke rumah, dalam keadaan sedia kala," katanya selepas melawat 2,739 mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Bukit Mutiara, Kangkar Tebrau di sini, semalam.

Perdana Menteri yang baru pulang

“Usaha penting memulihkan kehidupan mangsa, serta mangsa pulang ke rumah dalam keadaan sedia kala”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

daripada menghadiri Sidang Kemuncak Asean di Cebu, Filipina, malam kelmarin, sebelum itu meninjau keadaan di Kota Tinggi, kawasan yang teruk dilanda gelombang banjir kedua.

Abdullah tiba di Kota Tinggi kira-kira jam 10 pagi dengan menaiki helikopter dan terus ke pusat pemindahan banjir di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim.

Beliau yang diiringi Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman; Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Di Jabatan Perdana Menteri; Datuk Seri Nazri Aziz dan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Abdul Latif Yusof, kemudian menaiki bot meninjau beberapa kawasan yang ditenggelami air sedalam satu hingga dua meter.

Perdana Menteri turut melawat mangsa di pusat pemindahan banjir Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) New Kota dan Sekolah Me-

nengah Teknik Kota Tinggi, sebelum makan tengah hari nasi dulang bersama mangsa banjir.

Abdullah berkata, beliau bangga dengan komitmen anggota tentera, polis, Rela, Pertahanan Awam dan pertubuhan bukan kerajaan sepanjang bencana itu serta berpuas hati dengan perjalanan operasi membantu mangsa terbabit.

Perdana Menteri turut mengingatkan mangsa banjir supaya mengambil suntikan pencegahan penyakit, seperti demam kepialu yang dibekalkan pihak berkuasa.

Menjawab soalan, Abdullah berkata, darurat tidak akan diisytiharkan di Johor kerana keadaan tidak memerlukan dan tiada sebab untuk berbuat demikian.

Beliau juga menjelaskan bahawa bencana banjir di Johor tidak menjejaskan pelaksanaan projek Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI).